

CNS2212

U GB 22-10 00172 BA873

aab

MALAYSIA BERJAYA KEMUKA PANDANGAN MENGENAI HAK ASASI

Mahathir - CHOGM

Daripada Kuah Guan Oo

HARARE, 22 Okt (Bernama) --Kejayaan terpenting Malaysia pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang baru berakhir di sini, ialah ia dapat mengemukakan pendapatnya mengenai hak asasi manusia dan demokrasi, kata Perclana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Malaysia berjaya mengemukakan pendapatnya mengenai isu-isu itu di tengah-tengah tekanan negara Bar-at, katanya kepada wartawan Malaysia di sini malam Selasa. Mesyuarat itu berakhir petang Isnin, sehari lebih awal daripada jadual.

Perdana Menteri berkata, jika Malaysia tidak menyuarakan pendapatnya, ia mungkin dianggap sebagai negara yang tidak mempunyai hak asasi manusia.

Katanya, hak asasi manusia mempunyai banyak tafsiran, malah negara Baratjuga tidak dapat mengelakkan persoalan tersebut.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan hasil mesyuarat itu kerana ia memberi peluang kepada Malaysia merapatkan hubungan dengan kerajaan lain, terutamanya melalui perundingan dua hala dan menyatakan pendirian mengenai pelbagai isu termasuk alam sekitar. -- Lagi.

♥22/10/11-10MST

CNS2213

U GB 22-10 00137 BA874

aab

Mahathir - CHOGM 2 Mar-arc

Sepanjang tempoh mesyuarat selama seminggu itu, Datuk Seri Dr Mahathir telah mengadakan perbincangan dua hala dengan para pemimpin dari Mauritius, Cyprus, Seychelles, Australia, New Zealand, Singapura, India, Pakistan, Bangladesh dan Britain.

Petang hari Isnin beliau bertemu 10 pemimpin dari Afrika dan Carribbean untuk bertukar-tukar fikiran.

Beliau juga berkata, CHOGM itu memberi peluang, kepada Malaysia melahirkan hasratnya untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998.

Melalui tinjauannya, beliau berkata kebanyakan-negara meny'okong hasrat Malaysia itu kecuali Australia, yang juga mahu menjadi tuan rumah.

Malaysia telah menyatakan kemampuannya untuk menjadi tuan rumah bagi Sukan itu, tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, banyak rumusan CHOGM di Kuala Lumpur pada 1989 telah dilaksanakan, antaranya pemindahan teknologi, pendidikan dan Tabung Komanwel. -- Lagi.

♥22/10/11-11MS1

CNS2229

R GB 22-10 00189 BA875

aab

Mahathir - CHOGM 3 ( Akhir) Harare

Perkembangan paling penting ialah keputusan Britain dan Kanada untuk melupuskan dua per tiga daripada hutang-hutang negara kecil dan syarat pembayaran baki yang lebih munasabah, tambahnya.

Mengenai perlantikan beliau sebagai Pengerusi Kumpulan 11 untuk membantu Afrika Selatan menyelesaikan masalahnya, beliau berkata, mandat Kumpulan Penilaian Peringkat Tinggi (HLAG) telah tamat tetapi mereka diberikan mandat baru mengenai masalah Afrika Selatan.

Kumpulan 11 itu terdiri daripada 10 anggota HLAG, yang juga dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir, dan Presiden Zimbabwe, Encik Robert Mugabe.

Katanya, beliau telah meminta Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku melawat Afrika Selatan untuk berbincang dengan pihak berkenaan di sana mengenai car-a bagaimana Komanwel dapat membantu menyelesaikan masalah mereka.

Puak-puak di Afrika Selatan seperti Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), Kongres se-Afrika dan kerajaan kulit putih Presiden F.W. de Klerk masih belum mencapai kata sepakat mengenai pembentukan sebuah kerajaan baru yang demokratik dan tidak bersifat perkauman.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Chief Anyaoku akan melaporkan hasil lawatannya kepada kumpulan itu sebelum ia memutuskan mengenai tindakan susulan dalam perkara itu. -- Bernama

• 22/10/11 10MST